

06/09/2000

Solat asas teori ekonomi Islam

Maarop Md Noh

MUNGKIN tidak ramai menyedari solat mempunyai hubungan rapat dengan pembentukan sistem ekonomi. Malah, tidak berlebihan jika dikatakan mungkin ada yang akan menuduh pandangan itu sebagai bidaah.

Bagaimanapun, sebagai umat agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan, kita akan diberi dua pahala jika pandangan itu benar dan satu pahala jika ia salah (maksud hadis).

Umat Islam yang rajin menyelak lapisan otak, berfikir secara lebih proaktif dan pragmatik, pasti mengakui solat adalah kunci kekuatan ekonomi umat Islam. Soalnya, bagaimana solat itu boleh diterapkan ke dalam sistem ekonomi? Sebagai seorang Islam, tentu perkara ini memerlukan kajian mendalam berlandaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah.

Kita akui al-Quran memang tidak menyebut bagaimana mencipta teori ekonomi daripada solat. Tetapi al-Quran sebagai kitab ilmu yang lengkap tetap melakarkan garis panduan untuk diikuti oleh umat yang berfikir. Ertinya kita hendaklah memanfaatkan kelebihan berfikir dan dengan itu kita pasti bertemu dalam kebanyakan perintah solat akan disusuli perintah membayar zakat. Zakat adalah anak kunci ekonomi Islam.

Misalnya daripada 79 ayat yang menyentuh secara khusus mengenai solat dalam al-Quran, 22 daripadanya dihubungkan dengan pembayaran zakat. Semua ayat ini sama ada berbentuk perintah mutlak atau rayuan ditujukan untuk kepentingan ummah.

Ayat 43 Surah al-Baqarah menyebut: "Dirikanlah solat dan bayarlah zakat serta rukuklah bersama mereka yang rukuk (berjemaah)." Surah at-Taubah, ayat 18 pula bermaksud: "Sesungguhnya orang yang memakmurkan masjid Allah itu ialah mereka yang beriman kepada Allah dan hari kemudian (kiamat), serta tetap mendirikan solat, membayar zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain kepada Allah. Maka merekalah orang (yang diharapkan) termasuk ke dalam golongan yang mendapat petunjuk."

Rukun Islam pula menggandingkan solat dengan zakat. Perkara ini tercatat jelas dalam semua sunan hadis. Hadis itu bermaksud: "Datang Jibril a.s dan duduk bertembung lutut dengan Rasulullah. Jibril bertanya, apakah Islam? Baginda menjawab, Islam itu mengucap dua kalimah syahadat, mendirikan solat, membayar zakat, berpuasa sebulan Ramadan dan menunaikan haji ke Baitullah." (Hadis Muttafaqun alaih).

Oleh kerana solat dan zakat begitu rapat hubungannya, ia memberi erti umat Islam, di samping wajib menta'adbudkan diri kepada Allah, juga diwajibkan berusaha mencapai kesenangan hidup di dunia. Dengan itu mereka boleh membayar zakat sebagai usaha mensucikan harta dan mengimbangkan ekonomi masyarakat dan bangsa.

Umum mengetahui zakat hanya dikeluarkan oleh mereka yang mampu. Untuk menjadi berkemampuan, seseorang perlu bekerja keras dalam apa bidang sekalipun asalkan ia halal dan ikhlas. Justeru, jika zakat menjadi tonggak ekonomi masyarakat Islam, solat pula adalah tiang agama.

Sebuah hadis Rasulullah bermaksud: "Solat itu tiang agama, sesiapa mendirikan solat bererti mendirikan agama. Dan mereka yang meninggalkan solat bererti meruntuhkan agama." (riwayat Bukhari)

Perlu dijelaskan di sini, dalam Islam seluruh kegiatan hidup mesti berpaksikan ketauhidan kepada Allah. Dialah Pencipta segalanya dan pemilik segala-galanya. Surah al-Hadid ayat 5 menjelaskan: "Dialah (Allah) yang menguasai dan memiliki langit dan bumi. Dan kepada Allahlah dikembalikan segala urusan."

Meneliti semua ayat mengenai solat dalam 33 daripada 114 surah al-Quran, kita berpendapat disiplin solat yang ketat boleh diangkat dan dipraktikkan ke dalam teori ekonomi umat Islam. Ini penting kerana seperti zakat, solat mempunyai tujuan yang cukup mulia. Ia mengukuhkan ketauhidan hamba kepada Penciptanya (Khaliq) dan sekali gus menjadi tonggak agama Allah itu.

Seorang ahli sains sosial Islam, S D Islahi menyatakan, Islam mempunyai sistemnya sendiri. Ia bukan saja dalam bentuk memurni dan mengikhlaskan diri beribadat kepada Tuhannya, malah antara individu dan masyarakat. Praktikaliti yang perlu diikuti ialah mendirikan solat, berbuat baik sesama manusia (hablum-minan-nas) dengan membayar zakat. (Lihat S.D Islahi, *Islam At A Glance*).

Abul `Ala Maududi pula berpendapat, solat adalah sebaik-baik sistem mendisiplinkan diri. Ini kerana mereka yang solat tidak akan melakukan penipuan, merompak, menyamun, mencuri, membunuh atau sebarang kerosakan di bumi. (Lihat al-Mududi, *Islamic Way of Life*).

Di sini, firman Allah dalam Surah al-Ankabut ayat 45 cukup sesuai untuk direnungi: "Sesungguhnya solat itu mencegah perbuatan keji dan mungkar." Sebuah hadis Nabi Muhammad bermaksud: "Allah menjamin rezeki orang yang mendirikan solat." (Rujuk Sahih Bukhari, bab solat).

Menurut al-Maududi, sistem berwuduk untuk solat, menghadap kiblat, berdiri betul, niat, takbir, rukuk, sujud dan memberi salam adalah manifestasi pergerakan praktikal untuk kesempurnaan hidup. Begitu juga dalam berjemaah. Barisan saf yang lurus membayangkan kesatuan ummah.

Jika semua ini dipraktikkan dalam sistem ekonomi, sudah pasti ia akan membentuk ekonomi yang cukup kuat dan bersih. Pandangan ini sejajar dengan maksud sebuah hadis Rasulullah yang berbunyi: "Selepas kewajiban bersolat ialah kewajipan untuk mencari satu kehidupan yang baik di dunia." (Lihat himpunan hadis dalam *Miskat*).

Selain itu, sistem solat berjemaah boleh dipraktikkan ke dalam kesatuan ekonomi ummah yang lebih besar dan teratur. Misalnya kepatuhan kepada imam, berbaris selurus mungkin dengan tumit nampak rata dari pangkal hingga ke hujung saf melambangkan kekebalan barisan umat Islam. Kesempurnaan saf itu adalah lambang kesepakatan umat Islam tanpa mengira bangsa, warna kulit, bahasa, kebudayaan atau keturunan.

Keadaan ini sesuai dengan pembinaan konsep dan falsafah Islam itu mentauhidkan Allah semata-mata dan tidak mementingkan kelompok, perkauman, sempadan negara, politik, kebudayaan, sosial dan sebagainya.

Sekali gus sistem ekonomi berasaskan solat akan membentuk rangkaian kerjasama kukuh untuk semua umat Islam. Justeru, ia tidak memperkaya individu tertentu atau sesuatu kaum saja. Malah ekonomi Islam akan melahirkan kerjasama antara negara bangsa Islam di seluruh dunia.

Ringkasnya umat Islam sendiri perlu mengutarakan sistem yang adil dalam ekonomi mereka. Dengan memindahkan sistem yang tersusun rapi dalam solat kepada ekonomi, sudah pasti masyarakat Islam dapat berdiri sendiri tanpa meminjam atau menggunakan pendekatan lain.

Seperti solat, ekonomi Islam berasaskan solat boleh meningkatkan hubungan kasih sayang. Sekali gus tidak akan wujud gerakan menewaskan pesaing dalam ekonomi Islam. Pedagang atau ahli perniagaan yang Islamik akan memuliakan pesaing dengan menjadikan mereka kerabat untuk berunding. Ringkasnya, sistem ekonomi Islam adalah pengamal konsep perikatan jiran anda atau teori sama-sama menang.

Afzalur Rahman dan Ameer Ali, misalnya, menjelaskan sistem ekonomi Islam adalah sistem persaudaraan. (Lihat *Economic Doctrines Of Islam*, Jil. I)

Ia sesuai dengan maksud hadis Rasulullah yang menyebut persaudaraan dalam Islam seperti bangunan, jika seketul batunya robek, maka cacatlah bangunan itu. (Lihat *Mishkat dan Sahih Bukhari*). Paling istimewa ekonomi umat Islam itu adalah manifestasi solat berjemaah.

Persoalannya ialah bagaimana solat itu boleh memperkuatkan ekonomi. Ayat 10 Surah al-Jumu'ah mungkin boleh membuka minda pencipta teori ekonomi Islam untuk mencipta sesuatu yang baru: "Apabila kamu selesai menunaikan solat, maka bertebaranlah kamu ke seluruh pelosok bumi dan carilah kurnia Allah dan perbanyakkanlah mengingati Allah, mudah-mudahan kamu beruntung."

Ayat ini menunjukkan untuk berjaya, umat Islam mesti bekerja keras di seluruh dunia dan menceburi semua bidang ekonomi. Malah, mereka dinasihatkan mencari satu formula ekonomi mereka sendiri.

Dalam keadaan sekarang, mungkin boleh dimaafkan kerana umat Islam terpaksa meminjam teori Barat. Walau apa pun, umat Islam perlu merujuk semula teori itu dengan solat dan zakat yang difardukan Allah. Ini penting kerana solat membersihkan jiwa dan menghapuskan dosa (maksud hadis riwayat Bukhari) sementara zakat membersihkan harta.

Dalam usaha meningkatkan ekonomi Islam, khususnya di negara ini, kita jangan segan untuk mencari dan mencipta teori dan sistem kita sendiri. Sebagai negara membangun, Malaysia mempunyai kepakaran yang pelbagai. Malah, dalam bidang ekonomi, pakar Malaysia disanjung tinggi.

Kejayaan Malaysia mengatasi kegawatan ekonomi antara 1997 hingga 1998 membuktikan keterampilan pakar ekonomi Malaysia. Mereka dengan dipandu oleh kepintaran pemimpin dan kestabilan politik dan kerajaan, khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya memulihkan semula ekonomi negara. Walaupun kejayaan itu mungkin tidak berlandaskan teori ekonomi Islam, ia cukup untuk mengangkat martabat negara yang mendaulatkan Islam sebagai agama rasminya.

Kerana itu bagi mengukuhkan lagi sistem ekonomi negara, kita perlu membentuk tenaga fikir yang boleh menterjemahkan sistem solat dan zakat ke dalam sistem ekonomi negara. Kita harus mengkaji secara praktikal dan berani semua perbuatan dalam solat dan memanfaatkannya untuk kehidupan.

Umat Islam juga patut keluar dari tempurung kebangkrapan berfikir dengan menjana kekuatan sendiri. Tentulah amat sia-sia jika Islam yang bermartabat tinggi (maksud hadis) itu terpaksa menerima sistem luar untuk melicinkan perjalanannya.

Oleh itu, tanpa sebarang prejudis, umat Islam hendaklah mencontohi Nabi Muhammad yang sejak 1,421 tahun lalu mewariskan ajaran Islam tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.

Kita harus bingkas keluar daripada perangkap pakar ketimuran (orientalis) yang mempunyai niat tersirat. Begitu juga kita perlu berhati-hati dengan pelbagai teori pentadbiran dan ekonomi yang menggunakan pelbagai istilah yang indah.

Dengan mengambil solat sebagai wadah untuk menjernihkan ekonomi, kita tidak akan terbabit dengan perkara haram. Oleh kerana ketatnya disiplin solat, kita lihat tidak pernah berlaku pelanggaran waktu dalam solat.

Dengan membina dan mempraktikkan teori ekonomi solat, kita membuktikan Islam bukan agama rigid. Selain itu tindakan itu juga mungkin boleh mengurangkan peniaga Islam yang muflis.

(END)